



Peserta berkumpul di lokasi permulaan kayuhan.



Peserta lelaki menyapu sampah ketika membersihkan kawasan balai raya Bandar Tasik Kesuma.



Bergotong-royong menghasilkan mural.

# Kayuhan amal eratkan silaturahim

Oleh Osman Lisut  
manlee@bh.com.my

► Bangi

**P**rogram Kayuhan Offroad IV anjuran Kelab Xtreme-C Kolej Ungku Omar, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), baru-baru ini, bukan sekadar aktiviti riadah semata-mata, sebaliknya turut diisi dengan usaha berbakti kepada masyarakat.

Ketua Pengarah program, Nur Ilham Nadhirah Abdullah, berkata kayuhan Offroad III dua tahun lalu hanya memfokuskan aktiviti lasak (berkayuh di laluan berliku) dalam kalangan ahlinya, namun kali ini menampilkan kelainan berkonsepkan kemasyarakatan.

"Selain berkayuh, peserta sempat singgah di beberapa tempat, termasuk kawasan perkelahan, air terjun Jeram Kedah, malah kami sempat bergotong-royong mengecat balai raya, melukis mural dan rawang bersama penduduk Fasa 1L Bandar Tasik Kesuma.

**Sumbangkan dana**

"Ia selaras penubuhan UKM atas hasrat dan kehendak rakyat. Semoga program ini sedikit sebanyak dapat

menyumbang kepada masyarakat," katanya kepada *BH Varsity*.

Nur Ilham Nadhirah yang sedang mengikuti pengajian tahun dua Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian (Pengurusan Sumber Manusia) berkata, program itu juga adalah kayuhan amal dan lima peratus daripada dana diperoleh daripada masyarakat disumbangkan kepada anak-anak yatim.

**Kenangan manis**

Sementara itu Yang Dipertua Kelab Xtreme-C, Muhammad Akmal Farhan Azman, berkata program berkenaan secara tidak langsung menggalakkan pembabitkan anak muda dalam aktiviti sihat, selain mengeratkan hubungan silaturahim antara mahasiswa dengan masyarakat setempat.

"Ini lebih baik daripada membuang masa dengan aktiviti tidak berfaedah. Berbasikal juga boleh menyihatkan tubuh badan kerana melalui kawasan hutan dan kampung di mana peserta dapat menghirup udara bersih.

"Paling seronok, kami bersama rakan dapat bermandi-mandi di anak sungai yang bersih airnya. Pada

masa sama, bergotong-royong dengan penduduk taman mengecat bangunan balai raya," katanya yang juga pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Sains Forensik dengan Kepujian.

Ahli Majlis Perwakilan Pelajar UKM, Nur Farisha Ayuni Idris, pula berkata pelaksanaan program itu adalah sebahagian daripada manifestonya untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan.

"Program kemasyarakatan membabitkan mahasiswa UKM ini sedikit sebanyak dapat menyumbang sesuatu kepada masyarakat di Malaysia.

"Mungkin kali ini agak kecil tetapi pada masa akan

datang, kami merancang menarik lebih ramai mahasiswa untuk menyertai," katanya yang juga pelajar tahun dua Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian (Pengurusan Sumber Manusia).

Pelajar tahun satu Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian, Muhammad Amzar Isma Idris Saidi, berkata program disertai itu mampu menjadi medium untuk peserta saling berinteraksi dan dengan penduduk Bandar Tasik Kesuma, Beranang.

"Paling seronok apabila kami melakukan rawang untuk makan malam bersama penduduk sebelum

pulang ke universiti.

"Satu kenangan manis. Aktiviti sebegini wajar diterus dan dipanjangkan lagi tempohnya pada masa depan, sekali gus mendekatkan peserta dengan orang ramai," katanya.

**Tambah keakraban**

Bagi pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Sains Pembangunan), Muhammad Aiman Razali, aktiviti itu memberi ruang untuk dirinya berkumpul dan berkomunikasi dengan rakan daripada program lain selepas masing-masing sibuk dengan aktiviti pengajian.

"Saya mendapati tempoh

beberapa jam program dapat menambah keakraban kami sesama mahasiswa dan dengan masyarakat luar.

"Aktiviti sebegini mampu memupuk semangat setia kawan dan saling membantu apabila berdepan masalah. Sebagai contoh jika ada peserta agak ketinggalan kerana keletihan mengayuh, yang lain akan memberi bantuan dan sokongan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Felo Penasihat Kelab Xtreme-C, Ahmad Ruzaini Rahim berharap program itu dapat dijalankan lagi pada masa depan, sekali gus memberi impak positif kepada komuniti setempat dan diri pelajar terbabit.

info

## Program Kayuhan Offroad IV

→ Dijayakan 60 peserta terdiri daripada anggota Kelab Xtreme-C, Kelab Rukun Tetangga (KRT) Fasa 1L Bandar Tasik Kesuma dan Lakers F1L Cycling Club  
→ Membabitkan kayuhan sejauh 31.92 kilometer bermula dari Bandar Tasik Kesuma dan berakhir di Jeram Kedah, Ulu Beranang



Wakil mahasiswa menyampaikan cenderamata kepada pihak Kelab Xtreme-C.



Peserta berehat seketika di air terjun Jeram Kedah sebelum meneruskan kayuhan.